

# 15 siswa timba pengalaman di India

Oleh Amirullah Andi Nur

arullah@brnani.com.my

(Yang berkunjung ke New Delhi dan Mumbai baru-baru ini)

**L**ebih 15 mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) dan belia Malaysia menyertai Program Pertukaran Pelajar ASEAN-India di New Delhi dan Mumbai, baru-baru ini bersempena dengan sambutan Sidang Kemuncak Peringatan ASEAN-India ke-10.

Selain Malaysia, negara ASEAN lain yang turut menyertai ialah Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, Myanmar, Laos, Kemboja, Vietnam, selain tuan rumah, India.

Penyelaras Kumpulan Malaysia, Alina Cheong dari pada Kementerian Belia dan Sukan berkata, sepanjang program peserta didedahkan dengan pelbagai pengalaman menarik seperti melawat tempat baru termasuk Filmcity di Mumbai, India Gate di New Delhi dan Taj Mahal di Agra serta menyaksikan majlis penutupan Rali ASEAN-India di New Delhi.

Selain itu, katanya, mereka juga berpeluang menjalin hubungan silaturahmi dengan peserta dari India serta bertemu mesra bersama-sama peserta dari semua negara ASEAN.

"Pengalaman sepanjang program ini sangat berharga dan tentunya diharap dapat membantu mereka memahami dengan lebih dekat negara India termasuk budaya penduduknya," katanya.

**Pengalaman bernilai**

Program itu yang turut mem-babitkan lawatan ke Jaipur dan Agra bermula pada 10 hingga 22 Disember lalu.

Seorang peserta, Fadhli Rozainoor dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana menyifatkan pengalaman menyertai program itu sangat bernilai dan memberi banyak pengetahuan baru mengenai India.

"Sepanjang 12 hari menyertai program ini, kami dibawa melawat pelbagai tempat di New Delhi, Mumbai, Jaipur dan Agra. Semua tempat ini menyajikan pelbagai pengalaman menarik dan sukar untuk saya lupakan.

"Begitu juga, pertemuan dengan peserta program dari negara lain termasuk tuan rumah, membuka ruang untuk kami menjalin hubungan lebih akrab selain bertukar pendapat mengenai pelbagai isu," katanya.

## **Belajar budaya asing**

Siti Nur Omaira dari Fakulti Perubatan Management and Science University (MSU) pula menyifatkan dirinya sangat bertuah kerana terpilih menyertai program berkenaan.

"Saya banyak belajar perkara baru sepanjang menyertai lawatan ini. Saya juga berkenalan dengan kawan baru dan dapat belajar bahasa asing

lain dari negara anggota ASEAN dan India. Saya juga menimba pengetahuan baru mengenai ekonomi dan teknologi negara India," katanya.

Pravin Kumar dari Institut Latihan Pendidikan Bahasa Antarabangsa pula mengakui turut meraih banyak pengalaman dan pengetahuan baru mengenai India sepanjang berada di negara itu.

Kang Mei Yee dari Universiti Malaya, pula berkata beliau tidak pernah bermimpi akan dapat ke India dan sekali gus melalui pelbagai pengalaman menarik selain bertemu dengan rakan baru dari ASEAN dan negara tuan rumah.

"Terima kasih kepada penganjur kerana memberi kami peluang berharga ini," katanya.

Selain Alina, Fadhli, Siti Nur Omaira, Pravin dan Mei Yee, peserta lain program ini ialah Mohd Aizi Shahrar (UiTM Shah Alam), Nurhayati Kamarudin (Universiti Teknikal Malaysia Melaka), Kalpana Nair (Segi College Kuala Lumpur).

Putri Balkis Mohamad Nur (Majlis Belia Malaysia), Ranjethan Karpaya (Universiti Putra Malaysia), Tan Choon Tee (Institute of Art Communication Training) dan Nur Aini Mohd Jais (Kementerian Belia dan Sukan).